

PESTA TANGLUNG DAN SAMBUTAN TAHUN BARU CINA MERIAH

Persatuan Mahasiswa Perniagaan & Ekonomi (PMPE) baru-baru ini telah bergotong royong menghias perkarangan Foyer SPE dengan tanglung pelbagai bentuk sempena meraikan Pesta Tanglung yang diraikan oleh masyarakat Cina sebagai salah satu perayaan tradisi mereka. Pelbagai bentuk tanglung bergantungan di sekitar foyer bagi mewujudkan mood dan suasana pesta yang berlangsung. Menurut Timbalan Presiden PMPE, Alan Kwan Wai Min, idea bagi menghias kawasan persekitaran SPE dengan tanglung adalah bagi menyemarakkan suasana pesta selain memaparkan kepelbagaian perayaan dan festival pelbagai bangsa dan kaum di Malaysia. Selain itu ia diadakan sempena sambutan Tahun Baru Cina yang akan turut disambut tidak berapa lama dari tarikh sambutan Pesta Tanglung.

